



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGGUNAAN PEMBELAJARAN BERKHIDMAT
MEMPERKEMBANGKAN TANGGUNGJAWAB
SOSIAL DALAM KALANGAN GURU PELATIH
PENDIDIKAN MORAL, UPSI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BARATHI A/P SANTHASARAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGGUNAAN PEMBELAJARAN BERKHIDMAT MEMPERKEMBANGKAN
TANGGUNGJAWAB SOSIAL DALAM KALANGAN GURU PELATIH
PENDIDIKAN MORAL, UPSI**

BARATHI A/P SANTHASARAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Dengan rasa syukur dan kerendahan hati, saya ingin menyampaikan penghargaan yang tulus kepada semua pihak yang telah menyumbang dan menyokong dalam proses penyediaan tesis ini. Dengan bersyukur pada tuhan, pertama, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, **Dr Noor Banu binti Mahadir Naidu**, atas bimbingan, nasihat, dan sokongan yang tidak ternilai sepanjang perjalanan penyediaan tesis ini. Segala teguran, cadangan yang kreatif, dan panduan yang membina yang diberikan telah membantu saya untuk menyelesaikan tesis ini dengan jayanya. Ilmu dan pengalaman yang dikongsi oleh beliau amat berharga dan telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan akademik saya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada ahli keluarga saya terutamanya ibu bapa saya **Santhasaran dan Savateri**, adik beradik saya Yuvaneswary, Vikneswary dan Nithiyah serta semua ahli keluarga saya yang sentiasa memberikan sokongan moral dan motivasi apabila saya rasa berputus asa sepanjang perjalanan penulisan ini. Tanpa mereka, pencapaian ini tidak mungkin dapat direalisasikan. Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada panel penilai, semua pensyarah dan staf di UPSI yang telah memberikan maklumbalas dan cadangan yang membina untuk menambah baik tesis ini. Komen dan pandangan mereka telah membantu saya untuk memperkukuhkan lagi kualiti dan kedalaman kajian ini. Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan saya atas doa, sokongan, dan dorongan yang diberikan sepanjang perjalanan ini. Sekali lagi, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat. Semoga tuhan membalas segala kebaikan yang telah diberikan. Semoga tesis ini dapat memberi manfaat dan sumbangan yang bermakna.





ABSTRAK

Pembelajaran berkhidmat ataupun *Service Learning* (SL) sebagai pedagogi pengajaran dan pembelajaran telah diberi tumpuan diperingkat sekolah dan institusi pengajian tinggi apabila John Dewey memperkenalkan konsep pembelajaran berasaskan pengalaman. Perubahan global mengubah peranan institusi pengajian tinggi sebagai agen sosial komuniti dalam menjadikan SL bukan hanya sebagai pedagogi pengajaran dan pembelajaran tetapi pendekatan untuk memupuk tanggungjawab sosial dalam kalangan generasi muda. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan SL dalam menyelesaikan keperluan komuniti dan memperkembangkan tanggungjawab sosial melalui pengintegrasian SL dan *Corporate Social Responsibility* (CSR) dalam kalangan guru pelatih. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif berbentuk kajian kes menggunakan triangulasi instrumen iaitu jurnal refleksi, temu bual dan pemerhatian untuk menjawab persoalan kajian. Seramai 42 orang guru pelatih program Pendidikan Moral dari Universiti Pendidikan Sultan Idris dipilih menjadi sampel kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan. Lima fasa pembelajaran Kaye digunakan dalam proses analisis data dengan menggunakan perisian Nvivo 12. Dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan dan pengalaman pengintegrasian pendekatan SL dengan CSR telah membantu peserta melakukan projek komuniti yang lebih sistematik dan bermakna. Kajian juga menunjukkan perkembangan tanggungjawab sosial dan kemahiran insaniah melalui projek SL. Oleh itu, pendekatan SL dilihat relevan sebagai suatu pedagogi berasaskan pengalaman yang bukan sahaja memperkukuh proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga menyumbang kepada keperluan komuniti setempat. Implikasi kajian menunjukkan universiti berperanan sebagai agen sosial dalam meningkatkan tanggungjawab sosial generasi muda. Selain itu, konsep baharu pengintegrasian SL dan CSR, iaitu *University Corporate Social Responsibility* (UCSR) membuka ruang baharu untuk kerjasama korporat dalam dunia pendidikan.





THE USE OF SERVICE LEARNING TO ENHANCE SOCIAL RESPONSIBILITY AMONG PRE-SERVICE MORAL EDUCATION TEACHERS IN UPSI

ABSTRACT

Service Learning (SL) as an educational methodology has garnered interest in both school and higher education since John Dewey introduced the concept of experiential learning. Global transformations have redefined higher education institutions as social agents within the community, positioning SL as both a pedagogical approach and a vehicle for fostering social responsibility among the younger generation. This study aims to investigate the role of SL in addressing community needs and improving social responsibility through the integration of SL and Corporate Social Responsibility (CSR) among trainee teachers. A qualitative case study research design utilising instrument triangulation (reflection diaries, interviews, and observations) was implemented to address the research questions. A total of 42 trainee teachers from the Moral Education program at Sultan Idris Education University were chosen as the study sample through purposive sampling methods. Kaye's five phases of learning were employed in the data analysis process with Nvivo 12 software. The results indicated that the understanding and expertise in integrating the SL approach with CSR enabled participants to execute community initiatives in a more organised and impactful way. The research demonstrated the enhancement of social responsibility and soft skills thru SL programs. Consequently, the SL approach is regarded as relevant as an experiential pedagogy that enhances the teaching and learning process while addressing the needs of the local community. The study's implications indicate that colleges function as social actors in fostering the social responsibility of the younger generation. The novel notion of merging SL and CSR, termed UCSR (University Corporate Social Responsibility), presents new avenues for corporate involvement in education.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	9
1.3 Objektif Kajian	24
1.4 Persoalan Kajian	25
1.5 Kepentingan Kajian	26
1.6 Batasan Kajian	28
1.7 Kerangka Teori	29
1.8 Definisi Istilah	48
1.8.1 Pendidikan Moral	48
1.8.2 Guru Pelatih	49

1.8.3	Tanggungjawab Sosial	49
1.8.4	Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning)	50
1.9	Kesimpulan	53

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	54
2.2	Pendidikan Moral	55
2.3	Pendidikan Moral di Malaysia	57
2.4	Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Di Universiti	61
2.5	Pembelajaran Berasaskan Pengalaman	65
2.6	Pembelajaran Berkhidmat	68
2.7	Model Pembelajaran Berkhidmat	71
2.7.1	Fasa Pertama: Penyiasatan	72
2.7.2	Fasa Kedua: Perancangan dan Persediaan	74
2.7.3	Fasa Ketiga: Tindakan (Pelaksanaan Perkhidmatan)	76
2.7.4	Fasa Empat: Refleksi	77
2.7.5	Fasa Lima: Demostrasi	79
2.8	Keunikan Pendekatan Pembelajaran Berkhidmat	80
2.9	Impak Pembelajaran Berkhidmat Dalam Kalangan Pelajar	83
2.10	Pembelajaran Berkhidmat Dalam Perkembangan Tanggungjawab Sosial	87
2.11	Kajian Pembelajaran Berkhidmat Di Malaysia	93
2.12	Kajian Pembelajaran Berkhidmat Dalam Kalangan Guru Pelatih	95
2.13	Tanggungjawab Sosial Korporat /Corporate Social Responsibility (CSR)	101
2.14	Tanggungjawab Sosial Korporat Di Malaysia	103
2.15	Tanggung jawab Sosial Korporat (CSR) dalam Bidang	106

	Pendidikan	
2.16	Tanggung Jawab Sosial Korporat (CSR) Dalam Pembelajaran Berkhidmat	110
2.17	Kesimpulan	112
BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	115
3.2	Kajian Kualitatif	116
3.3	Reka Bentuk Kajian	118
3.3.1	Reka Bentuk Kajian Kes	120
3.3.2	Kajian Kes	121
3.3.3	Kes dan Konteks Kajian	124
3.3.4	Refleksi	127
3.4	Tempat Kajian	128
3.4.1	Memilih Institusi Pendidikan Guru untuk Kajian	128
3.5	Pemilihan Sampel Dan Populasi Kajian	130
3.5.1	Proses Penyampelan	131
3.5.2	Saiz Sampel dalam Kualitatif	132
3.5.3	Bias Persampelan	134
3.6	Rangka Kerja Pembelajaran Berkhidmat	136
3.6.1	Fasa 1: Penyiasatan	136
3.6.2	Fasa 2: Perancangan dan Persediaan	137
3.6.3	Fasa 3: Tindakan – Melaksanakan Aktiviti Perkhidmatan	138
3.6.4	Fasa 4: Refleksi	139
3.6.5	Fasa 5: Demonstrasi	140
3.7	Instrumen Kajian	142
3.7.1	Kaedah Pembangunan dan Kesahan	142

3.8	Kaedah Pengumpulan Data	144
3.8.1	Prosedur Pengumpulan Data	146
3.8.2	Temubual Separa Berstruktur	148
3.8.3	Pemerhatian Peserta (Pemerhati Sebagai Peserta)	150
3.8.4	Peringkat Melaksanakan Kerja Lapangan	153
3.9	Pemilihan Kursus Dan Reka Bentuk Analisis	154
3.10	Prosedur Analisis Data	155
3.10.1	Transkripsi	158
3.10.2	Kod, Kategorikan, dan Membina Tema	159
3.10.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	161
3.11	Etika Penyelidikan	167
3.12	Kesimpulan	169

BAB 4 DAPATAN KAJIAN, PEMBELAJARAN BERKHIDMAT, TANGGUNGJAWAB SOSIAL DALAM MASYARAKAT

4.1	Pengenalan	171
4.2	Kefahaman Tentang Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning)	176
4.2.1	Tema 1: Pengetahuan Pembelajaran Berkhidmat Sebagai Pedagogi Berbeza	176
4.2.2	Tema 2: Pemahaman Mendalam Fasa Penyiasatan SL	184
4.2.3	Tema 3: Pelan teliti dalam Pedagogi Pembelajaran Berkhidmat	198
4.3	Keberkesanan Pembelajaran Berkhidmat Dalam Menyelesaikan Keperluan Masyarakat Setempat	217
4.3.1	Tema 4: Kajian Komuniti: Keperluan Utama	217
4.3.2	Tema 5: Pemerksaan Kompentensi Pengurusan Melalui Service Learning (SL)	230
4.3.3	Tema 6: Maklum Balas Komuniti	245

4.4	Pengalaman Projek Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning) Dan Tanggungjawab Sosial	254
4.4.1	Tema 7: Menghargai Kepelbagaian Komuniti	255
4.4.2	Tema 8: Hak dan Kesedaran Demokrasi	262
4.4.3	Tema 9: Emosi Moral Melalui Pedagogi Service Learning (SL)	282
4.4.4	Tema 10: Sumbangan Kepada Kelas dan Sekolah	292
4.5	Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning) Dan Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility)	307
4.5.1	Tema 11: Pengetahuan CSR	308
4.5.2	Tema 12: Integrasi CSR Dalam Service Learning (SL)	312
4.5.3	Tema 13: Kejayaan Integrasi SL Bersama CSR	325
4.4	Rumusan	342

BAB 5 PERBINCANGAN KAJIAN

5.1	Pendahuluan	343
5.2	Kefahaman Konsep Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning)	344
5.3	Pembelajaran Berkhidmat Dan Penyelesaian Keperluan Masyarakat Setempat	352
5.4	Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning) Dan Peningkatan Tanggungjawab Sosial	362
5.5	Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning) Dalam Pengaplikasian Csr (Corporate Social Responsibility)	380
5.6	Implikasi Dapatan Kajian	395
5.6.1	Implikasi kepada Kementerian Pendidikan	396
5.6.2	Implikasi kepada Pelajar	397
5.6.3	Implikasi kepada kaedah pengajaran Pendidikan Moral	398



5.7	Rumusan	401
5.8	Cadangan Kajian Lanjutan	402
5.9	Kesimpulan	406
	RUJUKAN	408
	LAMPIRAN	437





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Taburan Sampel Kajian	135
3.2	Demonstrasi	141
3.3	Peringkat Prosedur Pengumpulan Data	153



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Model Insan Menyeluruh	5
1.2	Trend Pencapaian Tahap Kualiti Dan Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia Bagi Tahun 2015, 2016, 2017 Dan 2019	13
1.3	Perbandingan Tahap Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia Peringkat Antarabangsa	14
1.4	Putaran Teori pembelajaran berdasarkan Pengalaman Kolb (1984)	35
1.5	Jenis-jenis Pembelajaran berkhidmat	40
1.6	Peringkat pembelajaran berkhidmat (kaye,2004)	41
1.7	Kerangka Tanggungjawab Sosial	45
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	48
2.1	Fasa	105
2.2	Triple Bottom Line	106
3.1	Reka Bentuk Kajian	119
3.2	Langkah-langkah fasa Penyiasatan SL	137
3.3	Langkah-langkah dalam fasa Perancangan SL	138
3.4	Kaedah fasa refleksi SL	140
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	147
3.6	Proses Sampel Kod dan Fasa Tematik	161
4.1	Tema Kefahaman Konsep Pembelajaran Berkhidmat	175
4.2	Tema Keberkesanan Service Learning (SL) dalam memenuhi keperluan Komuniti	219



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

4.3	Keberkesanan SL dalam Perkembangan Tanggungjawab Sosial	256
4.4	Pengalaman Projek Service Learning (SL) dengan Pengaplikasian CSR	309
5.1	Kerangka Konseptual baru SL Bersama CSR	392



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

3M	Membaca, Menulis Dan Mengira
ALPdP	Aktiviti Luar Pengajaran Dan Pembelajaran
BCPS	British Columbia Performance Standard
COVID-19	CoronaVirus Disease 2019
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JERIS	Jasmani,Emosi, Rohani,Intelek dan Sosial
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standar Sekolah Menengah
PdP	Pengajaran Dan Pembelajaran
pdpc	Pengajaran Dan Pemudahcaraan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SKPMG2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SL	Service Learning
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia



SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol Temu Bual Separuh Struktur
- B Protokol Pemerhatian kajian lapangan
- C Protokol penulisan Jurnal refleksi
- D Borang Perlantikan Pakar penilai Instrumen kajian
- E Borang pengesahan Pakar
- F Contoh transkrip temubual
- G Contoh laporan penggunaan kit pengguna pembelajaran berkhidmat
- H Contoh jurnal refleksi kumpulan kajian
- I Contoh kertas kerja projek Pembelajaran berkhidmat
- J Surat kebenaran Peserta Kajian
- K rancangan pengajaran Pembelajaran berkhidmat
- L Contoh tema dan pengkodan Nvivo
- M Gambar-gambar projek pembelajaran berkhidmat

BAB 1

PENGENALAN

Pendidikan berteraskan nilai menjadi aspirasi pertama Kementerian Pendidikan Malaysia 2018-2023 untuk menginsankan revolusi industri 4.0 (Pendidik, 2019). Aspirasi ini menekankan bukan sekadar 3M iaitu membaca, menulis dan mengira malahan dapat menginsankan pelajar, membentuk sahsiah pelajar melalui sistem pendidikan dengan penerapan nilai secara menyeluruh. Transformasi dalam pendidikan dianggap keperluan asas untuk melengkapkan generasi muda dengan persediaan secukupnya bagi menghadapi cabaran abad ke-21 (PPPM, 2013-2025). Peranan guru dalam menjayakan aspirasi dan matlamat ini bergantung pada pengajaran dan pemudahcaraan guru di sesebuah institut pendidikan. Terdapat beberapa elemen yang diterapkan melalui pembelajaran abad ke-21 iaitu komunikasi, pemikiran kritis, kolaboratif, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika (PPPM,



2013-2025). Ia merupakan elemen-elemen yang diketengahkan oleh pengasas teori Pedagogi kritis iaitu Paulo Freire (1921-1997), mencatatkan bahawa pedagogi kritis melibatkan guru sebagai pemantau dan pelajar sebagai peneroka ilmu dengan sendiri dan memberi ruang kepada pelajar membangunkan potensi secara kritis dan kreatif (Reza, 2018).

Masyarakat yang kompleks, bersepadu, dan global, memerlukan pembelajaran yang baharu bagi mengelakkan kesulitan budaya pengajaran tradisional (Eyler & Giles 1994; Rahman 2023). Misalnya, wabak COVID-19 boleh mengakibatkan kesihatan, sosial, dan manusia di seluruh dunia dan memberi impak kepada bidang pendidikan. Mereka telah menukar model pengajaran dan pembelajaran secara mendadak dan ekstrem. Peristiwa yang kita alami telah membawa kita ke arah penyesuaian paradigma pendidikan yang wujud di tengah-tengah transformasi yang berterusan, di mana universiti, selain daripada menguruskan masyarakat pengetahuan, diuji untuk menghadapi siri tugas yang mendesak, antaranya adalah untuk memastikan pendidikan kritikal dan untuk mengukuhkan komitmen sosial (Kiarash 2017; Sherk & Rodríguez, 2020). Situasi ini telah memaksa kita untuk berusaha pada gagasan bilik darjah yang baharu, dan pembaharuannya melebihi penggantian beberapa kaedah pengajaran dengan yang lain (Kiarash, 2017).

Institusi pendidikan menghadapi keperluan untuk membuat cadangan yang melampaui bidang Kurikulum dan terlibat dalam objektif sivik dan moral secara menyeluruh, sejajar dengan keupayaan untuk menyesuaikan dan mengembangkan kemahiran, menjadikan pelajar sebagai agen perubahan sosial berdasarkan pendidikan solidariti dan etika (Najah Nadia, 2016; Noor Afnan et al., 2023). Justeru, peranan





institusi pengajian tinggi pada hari ini menjadi penting; di mana tempat untuk belajar keupayaan menjalin hubungan antara teori akademik dalam bilik darjah dengan apa yang berlaku dalam masyarakat (Ocal A & Altinoks, 2015).

Profesion perguruan merupakan satu profesion yang mulia dan dihormati oleh masyarakat global kerana peranan guru yang amat besar dalam memperkembangkan ilmu pengetahuan serta membentuk tingkah laku masyarakat demi kepentingan agama, bangsa dan Negara (Seker et al., 2015; Karatas & Han 2020). Sikap positif terhadap profesion perguruan juga dilihat sebagai faktor penting yang membolehkan guru-guru berpotensi mengajar dengan lebih berkesan (Karatas dan Han, 2022). Faktor-faktor seperti pengetahuan mendalam, kompetensi pedagogi pengajaran, identiti profesional dan komitmen guru dilihat sebagai peranan penting untuk memastikan guru-guru dapat melaksanakan tugas mereka dengan berkesan (Riley et al., 2019).

Keberkesanan dalam profesion perguruan berkait rapat dengan keupayaan dan usaha guru yang gigih untuk menyempurnakan tanggungjawab terhadap pelajar, sekolah dan masyarakat. Guru adalah sebahagian daripada golongan pendukung yang melaksanakan tugas bagi mencapai matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak kerajaan, pentadbir dan perancang sentiasa mengharapkan agar guru-guru dapat membina masyarakat yang mempunyai budaya tamadun tinggi. Guru memainkan banyak peranan dalam sesebuah sekolah. Terdapat dua peranan yang dianggap penting. Pertama, guru berperanan sebagai seorang ahli profesion perguruan bagi memberikan pendidikan formal kepada murid-murid sejak di bangku sekolah lagi, dan sebagai seorang ahli masyarakat guru mempunyai tugas kemasyarakatan (Najah Nadia, et al., 2016)





Pelbagai kajian menyatakan bahawa guru perlu mengubah kaedah pengajaran pasif kepada aktif melalui pendekatan pembelajaran abad ke-21 (Vishalache, 2014). Guru perlu mengelakkan pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) berfokus kepada peperiksaan yang hanya menggalakkan hafalan fakta. Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPMG2), menegaskan melalui ukuran di bawah standard 4 iaitu peranan guru dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Guru berperanan sebagai pemudah cara untuk memastikan proses pengajaran berkesan, seterusnya membantu murid mencapai potensi menyeluruh mereka dan meningkatkan hasil pembelajaran secara berterusan untuk memastikan pendidik menggalakkan murid aktif semasa pengajaran dan pembelajaran. Bagi mencapai standard tersebut pendidik perlu menggalakkan murid berkomunikasi dan melaksanakan aktiviti pengajaran secara kolaboratif dan mengaitkan isi pembelajaran dengan kehidupan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017a).



Peningkatan kesedaran akan kepentingan budaya dan pembelajaran moral dan sivik secara umum dalam pendidikan tinggi adalah jelas. Ini disahkan oleh peningkatan sokongan untuk program sukarelawan oleh kerajaan dan institusi pengajian tinggi di Malaysia selaras dengan skala global. Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan jutaan ringgit untuk Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha untuk mencipta program yang melibatkan perkhidmatan komuniti. Kementerian juga telah menubuhkan Persatuan Sivik Belia Negara, yang masih dalam peringkat awal pembangunannya (Nez Abidin, 2023). Pada masa ini, beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia telah melaksanakan pembelajaran kurikulum dan telah melakukan usaha untuk menjalankan penyelidikan mengenai pembelajaran berkhidmat dan impaknya terhadap pelajar dan komuniti. (Mahadir, et al., 2019; Said, 2015; Nadia &




Hamdi, 2017; Mamat et al., 2019) Walaupun semua ini merupakan usaha positif, terdapat juga kekurangan relatif penyelidikan dan literatur tempatan mengenai impak pembelajaran berkhidmat di Malaysia.

Pembentukan model insan menyeluruh (Rajah 1.1) memerlukan penghayatan nilai- nilai murni dalam kalangan pelajar. Pendidikan moral merupakan salah satu subjek yang dapat membantu menjayakan pembentukan penghayatan nilai dalam kalangan pelajar. Guru Pendidikan Moral perlu menggalakkan perkembangan dimensi moral iaitu domain penaakulan, emosi dan perlakuan moral untuk mencapai matlamat pendidikan Moral. (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral, 2016). Mata pelajaran Pendidikan Moral berperanan untuk membantu murid menghadapi dunia teknologi maklumat dan alaf baharu dengan penuh yakin dan mempunyai tanggungjawab sosial serta penghayatan nilai. (Mahadir et al., 2016).

Rajah 1.1

Model Insan Menyeluruh



Sumber: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Moral, 2016)



Guru pelatih memegang peranan penting dan strategik dalam pendidikan sebelum menamatkan pengajian dan setelah menjadi guru sebenar di sekolah. Sebagai guru pelatih, pendidik dan pelatih para pelajar, guru pelatih merupakan agen perubahan sosial yang mengubah pola berfikir, sikap dan perilaku masyarakat menuju kehidupan yang lebih baik, lebih bermaruah dan lebih berdikari (Najah Nadia at. al., 2016). Selain itu, guru pelatih merupakan komponen yang paling berpengaruh terhadap terciptanya proses dan hasil pendidikan yang berkualiti (Livingston, 2014). Oleh kerana itu, usaha penambahbaikan apapun yang dilakukan untuk meningkatkan kualiti pendidikan tidak akan memberikan sumbangan yang ketara tanpa disokong oleh guru pelatih yang berkemahiran dan beretika (Livingston, 2014; Hervie, 2018). Dengan kata lain, peningkatan kualiti pendidikan harus bermula dari guru dan berakhir pada guru.



Peranan guru pelatih terutamanya guru Pendidikan Moral melengkapkan diri mereka dengan penghayatan terhadap nilai dan etika serta kemahiran menyelesaikan isu moral yang berlaku dalam komuniti sangat penting (Bernadowski et al., 2014). Ini penting untuk membangunkan kemahiran insaniah menyeluruh dalam diri. Cabaran pelajar mahasiswa yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sama ada awam atau swasta dapat mempersiapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran, dan juga nilai yang diperlukan oleh kehendak pasaran kerjaya agar menjadi graduan yang holistik sesuai dengan kehendak masa hadapan merupakan salah satu isu yang harus diambil perhatian (Mohd Zaki, 2008; Noor Afzan et al., 2023). Suatu proses transformasi perlu dilakukan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan agar sistem pendidikan negara terus unggul dan memenuhi keperluan globalisasi (Noor Afzan et al., 2023; Najah Nadiah, 2016).





Kajian yang dilakukan oleh Singkun Awirut et al., (2020), berkaitan dengan tanggungjawab sosial dalam kalangan pelajar Universiti sewaktu dunia mengalami kecemasan yang tidak diingini iaitu Covid-19, pelajar menunjukkan kesedaran terhadap tanggungjawab sosial yang sederhana sebab tingkah laku sosial, seperti pematuhan terhadap garis panduan kesihatan, adalah kritikal dalam mengawal penyebaran COVID-19. Graduan universiti yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik semata-mata, malahan dari segi kemahiran-kemahiran lain seperti kepimpinan, kemahiran komunikasi, nilai murni dan sebagainya telah menjadi kayu ukur kepada keluaran graduan yang berkualiti di IPTA (Belondo Montoro et al., 2018; Singkun Awirut 2020). Perkara ini adalah selari dengan asas yang menjadi tujuan penubuhan institusi pengajian tinggi, iaitu untuk melahirkan individu-individu yang berpengetahuan, cekap, berkemahiran tinggi dan bersedia untuk mengaplikasikan segala pengetahuan juga kemahiran ke arah pembangunan sektor dan organisasi dan dalam masyarakat terutamanya dalam sektor pendidikan (Mohd Zaki 2008; Msambali & Mwonge, 2023; Serit Banyan et al., 2015)

Universiti adalah salah satu institusi yang dimiliki oleh masyarakat, dari perspektif mendidik dan melatih profesional yang berkeelayakan kerana ia mewakili penggerak dalam penggalakan pengetahuan (Serit Banyan et al., 2015). Guru pula, telah memperoleh satu kedudukan baharu yang ditambahkan kepada peranan mereka bersama-sama dengan pengajaran, penyelidikan, dan pengurusan, dan mereka menyedari bahawa masyarakat menuntut profil pengajaran yang memimpin dan menggalakkan sikap pro-sosial (Said, 2015). Terdapat pelbagai metodologi yang sesuai dengan tujuan untuk menggabungkan akademik dan sosial. Pembelajaran





Berkhidmat adalah salah satunya. Pembelajaran Berkhidmat sepatutnya menikmati kedudukan utama di kampus kerana ia telah menjadi sebahagian daripada bidang inovasi pendidikan, dan memiliki struktur yang dimasukkan dalam dasar pengurusan baharu universiti, dalam strategi yang dikenali sebagai Tanggungjawab Sosial Universiti, kini dirujuk sebagai konsep, "Universiti Lestari" (Asenjo Juan Thomas. Etc, 2021).

Menurut Asenjo (2021), menyatakan sesebuah universiti lestari berkomitmen kepada tindakan semasa institusi tersebut, tetapi menekankan latihan profesional yang berterusan yang menyumbang kepada dunia yang lebih lestari dan adil kepada sosial. Salah satu cara di mana universiti boleh memberi respons dan memenuhi keperluan yang diperlukan oleh dunia sebenar adalah dengan menggalakkan tanggungjawab sosial sejajar dengan matlamat menyumbang kepada pembangunan warganegara yang berkeadilan. Dalam senario ini, pendekatan Pembelajaran Berkhidmat, menawarkan metodologi yang bersedia untuk memupuk sinergi antara kandungan akademik dan penglibatan sivik pelajar (Ball, 2016; Mahadir et al., 2016; Balakrishnan, 2014).

Service Learning (SL) atau 'pembelajaran berkhidmat' ditakrifkan sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan pengalaman dalam berkhidmat kepada masyarakat. SL adalah pendekatan yang menggabungkan objektif pembelajaran akademik, kemahiran interpersonal dan khidmat bakti pelajar dalam memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat. Melalui projek SL, pelajar belajar bagaimana menabur bakti dan menunjukkan tanggungjawab sosial mereka terhadap masyarakat (Najah Nadiah et al., 2016). Ia juga mampu membina keperibadian dan memupuk nilai positif dalam kalangan pelajar secara langsung dan tidak langsung. SL dikategorikan sebagai kaedah pendidikan yang dapat





mengembangkan pengetahuan dan kemahiran pelajar untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab (Mahadir, 2019; Hamdan et al. 2015).

SL bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mengenai kandungan kursus sambil membantu pelajar mengembangkan pengetahuan, kemahiran, dan keupayaan kognitif untuk menangani masalah yang dihadapi oleh masyarakat secara berkesan. (Mahadir, 2019). Ini adalah pendekatan yang menekankan pembelajaran berasaskan refleksi dan lapangan sebagai cara untuk melibatkan pelajar secara peribadi dengan kurikulum dan pedagogi. Pembelajaran berkhidmat menekankan pembelajaran pelajar yang bermakna melalui pembelajaran aktif, pembelajaran berasaskan projek yang menggunakan pelbagai sumber pengetahuan (akademik, pengetahuan pelajar dan pengalaman dan pengetahuan masyarakat) dan memberi pelajar banyak peluang untuk meningkatkan tanggungjawab sosial dan refleksi kritis yang berkaitan dengan amalan (Eyler & Giles, 1999). Pembelajaran berkhidmat juga disifatkan sebagai amalan pengajaran dan pembelajaran yang dikaitkan dengan kurikulum akademik dan memenuhi objektif kursus. Bahkan ianya juga digariskan sebagai khidmat yang dilakukan untuk memenuhi keperluan komuniti setempat (Kaye 2004).

1.2 Pernyataan Masalah

Pendidikan Moral di Malaysia merupakan mata pelajaran wajib bagi semua murid bukan Islam, iaitu murid berbangsa Cina, India, dan lain-lain. Silibus baharu Pendidikan Moral, yang diperkenalkan pada tahun 2017, bermula dengan murid Tingkatan I, dibawah KSSM, dan menyarankan proses pengajaran dan pembelajaran





96 jam. Pendidikan Moral ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu 64 jam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Seterusnya, 32 jam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di luar waktu serta di luar bilik darjah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan di mana menekankan pembentukan murid holistik dan berakhlak mulia. (KPM, 2016a). Cadangan ALPdP yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelaksanaan ALPdP ialah pembelajaran berasaskan projek, khidmat masyarakat, dan aktiviti lain yang dianggap bersesuaian selari dengan KSSM. Namun begitu guru Pendidikan Moral yang melaksanakan aktiviti luar pengajaran dan pembelajaran (ALPdP) melihat ALPdP ini sebagai entiti berasingan daripada PdP dan menyatakan bahawa pelaksanaan ALPdP ini membebankan guru (Veeratomy & Balakrishnan, 2020). Pihak sekolah dan pihak penggubal perlu memastikan bahawa guru Pendidikan Moral menengah rendah tidak berasa terbeban dengan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di luar waktu ini (ALPdP).

Perubahan kepada silibus baharu daripada Pendidikan Moral silibus dahulu, yang memberi penekanan lebih kepada domain penaakulan moral dapat memberikan penekanan sama rata kepada ketiga-tiga domain moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan tingkah laku moral dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah. (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Moral, 2016). Kajian Virasamy, et al., (2020), menjelaskan bahawa walaupun aktiviti yang dilaksanakan oleh guru Pendidikan Moral sekolah telah dirancang selari dengan pengalaman dan situasi yang dekat dengan murid serta keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, nilai dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, namun sikap sambil lewa pelajar dan kawalan kelas masih agak sukar. Ini





menunjukkan guru diperlukan pendedahan yang lebih mendalam dalam pelaksanaan Pdp aktiviti luar Pendidikan Moral di sekolah.

Pendidikan Moral yang terkandung dalam mata pelajaran teras di sekolah adalah bertujuan membentuk akhlak manusia. Hoon (2010), Piang, (2015), Mahadir. et al., (2019), menyatakan Pendidikan Moral memerlukan strategi dan pendekatan pedagogi yang kreatif dan inovatif bagi mengembangkan kemahiran berfikir, menunjukkan reaksi dan penaakulan moral, serta penjanaaan pemikiran logik dapat membendung dan menyelesaikan masalah dalam kehidupan mereka serta masyarakat yang hidup bersama. Pendekatan pembelajaran Pendidikan Moral sama ada di sekolah ataupun di universiti yang memberi penekanan kepada ketiga-tiga domain moral dapat memberi kesan kepada perkembangan diri pelajar yang seimbang. Domain perlakuan moral menekankan tindakan moral pelajar sama ada untuk diri, keluarga, masyarakat mahupun negara. Dapatan kajian oleh Kalaiselvi et al., (2015), melihat pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral menunjukkan guru-guru kurang mempunyai pengetahuan dalam konsep-konsep moral dan pendekatan dalam pengajaran Pendidikan Moral walaupun berpengalaman dalam bidang pendidikan moral. Pengajaran guru lebih berpusatkan kepada persediaan menjawab soalan dalam peperiksaan dan kurang memberi penekanan kepada dimensi moral secara seimbang terutamanya dimensi perlakuan dan emosi moral. Ia dikukuhkan lagi dengan kajian tentang pengetahuan peserta kajian tentang konsep-konsep moral, nilai, isi pelajaran mendapati peserta kajian hanya menggunakan pendekatan pemupukan nilai serta teknik pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru. Tumpuan pengajaran pula lebih berorientasikan peperiksaan dan kurang memberi penekanan kepada dimensi moral secara seimbang (Satish, 2018; Abd Shatar, 2007).





Walaupun Pendidikan Moral telah diperkenalkan sejak 1983 sehingga kini, menurut kajian Majid et al (2023) statistik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 2018 menunjukkan jenayah yang melibatkan sosial seperti merosakkan harta benda awam dan bersabit dengan orang awam sebanyak 2095 kes dalam kalangan remaja. Selain itu menurut hamzah (2019) dalam kajiannya menyatakan bahawa jenis kesalahan yang direkodkan dalam pusat pemulihan akhlak remaja di Selangor, sebanyak 17.1 % salahlaku melibatkan sosial. Ini membuktikan matlamat utama Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan subjek ini di semua buah sekolah adalah untuk melahirkan modal insan yang menyeluruh dari segi JERIS yang belum lagi dicapai dan memerlukan suatu pendekatan pedagogi yang berkesan untuk melahirkan tanggungjawab pelajar untuk diri, keluarga, masyarakat dan juga Negara. Guru memainkan peranan penting dalam usaha untuk mencapai objektif tersebut.




Walaupun elemen khidmat masyarakat ataupun sukarelawan telah lama dilaksanakan oleh guru dalam kalangan pelajar tetapi kesedaran remaja kini terhadap tanggungjawab mereka terhadap komuniti juga merisaukan. Dapatan kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2023), menunjukkan belia kini semakin kurang kepekaan mengikuti perkembangan aktiviti kenegaraan dan demokrasi. Sebagai contohnya, kajian mereka melalui kumpulan fokus belia dari sesi sosialisasi politik, kenegaraan & demokrasi membuktikan belia kini kurang peka ataupun tahu tentang hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara tentang perubahan seperti Undi 18, iaitu pindaan undang-undang yang menurunkan umur kelayakan mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun dan juga boleh didaftarkan secara automatik. Penyelidikan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2023), tentang kualiti dan kesejahteraan kehidupan belia Malaysia bahawa



indikator yang mengaitkan belia dengan masyarakat iaitu domain kewujudan pendidikan mengundi, domain semangat perpaduan dan domain patriotisme juga mengalami penurunan dari tahun 2021 hingga 2023 seperti dalam rajah di bawah.

Rajah 1.2

Trend Pencapaian Tahap Kualiti Dan Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia Bagi Tahun 2021, 2022 Dan 2023



Sumber: Laman web Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2023)


Keadaan ini lebih jelas dibuktikan dalam kajian ini apabila statistik menunjukkan Belia Malaysia masih berada pada tahap yang sederhana dalam kualiti dan kesejahteraan hidup. Ia menunjukkan bahawa tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja kini boleh membawa ke arah yang lebih rumit jika tidak ambil jalan penyelesaian. Berdasarkan perbincangan jelas menunjukkan bahawa isu penghayatan tentang tanggungjawab sosial lemah dalam kalangan remaja berbilang kaum di Malaysia dan aspek penglibatan dalam khidmat sosial perlu dikaji secara mendalam.

Hal ini penting disebabkan golongan remaja menjadi tulang belakang sesebuah tamadun manusia pada masa akan datang.

Rajah 1.3

Perbandingan Tahap Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia Peringkat Antarabangsa

PERBANDINGAN TAHAP KUALITI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA MALAYSIA PERINGKAT ANTARABANGSA – KEDUDUKAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA DUNIA



Sumber: Laman web Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2023)

Pelaksanaan sesuatu kurikulum sememangnya terletak di bahu guru sebagai agen pelaksana (Hoon, 2010, Mahadir et al., 2017). Peranan guru yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2016a) selari dengan peranan guru yang dinyatakan oleh Bowers (2016), iaitu guru harus berusaha untuk mengetahui dan memahami kurikulum yang telah dibangunkan oleh penggubal. Ini membuktikan bahawa sebagai bakal guru Pendidikan Moral, pendedahan tentang pengalaman bersama masyarakat yang berkesan melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran



seperti *Service Learning* perlu diperbanyakkan agar dapat melahirkan bakal guru yang dapat mengajar generasi baharu yang dapat bertindak berasaskan dimensi moral.

Mereka juga dapat memainkan peranan penting bagi melahirkan generasi akan datang sebagai insan menyeluruh seperti yang disarankan dalam matlamat pendidikan Moral KPM. Proses pengajaran dan pembelajaran 96 jam Pendidikan Moral kini dalam KSSM diwajibkan oleh Kementerian seperti dalam surat pekeliling dibawah (KPM, 2016a; KPM, 2017). Pembelajaran di luar bilik darjah menjadi sesuatu yang wajib dalam KSSM Pendidikan Moral. SPI bilangan 9/2016 kpm. Iaitu:

“Pelaksanaan aktiviti luar waktu PDP yang dijalankan hendaklah dirancang dan direkodkan dalam Buku Rekod mengajar dan dikira sebagai waktu mengajar guru” spi bil 9/2016.



Rasional di sebalik pengenalan silibus baharu, telah memperkenalkan ALPdP dalam Pendidikan Moral bermula tahun 2017, menunjukkan jurang dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pengalaman dan perkhidmatan merupakan salah satu Pedagogi kritis yang telah dicadangkan oleh kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Moral (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Pelbagai isu yang berlaku seperti bencana alam, ancaman kesihatan persekitaran, pendidikan yang masih rendah pencapaian dan nilai serta, tanggungjawab sosial yang kian terhakis sejak kebelakangan ini, jelas memerlukan kerjasama antara kerajaan dengan masyarakat khususnya dalam aktiviti khidmat sosial dalam kalangan remaja kerana golongan ini merupakan populasi penduduk paling besar di Malaysia (Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2019).





Menyedari hakikat tersebut, penghayatan golongan muda berbilang kaum terhadap semangat dalam tanggungjawab sosial dilihat penting pada masa kini.

Salah satu cabaran yang hadir pada permulaan Pembelajaran Berkhidmat adalah untuk membanding bezakan projek pembelajaran berkhidmat dengan aktiviti sukarelawan. Pendekatan ini yang diinspirasikan oleh penyelarasan dan keperluan kurikulum, telah mencari tempatnya dengan mengintegrasikan dirinya ke dalam dasar pengurusan berkualiti etika yang terkandung dalam bidang Tanggungjawab Sosial Universiti. Dalam kerangka komitmen sivik yang diperbaharui ini oleh pusat-pusat universiti, Pembelajaran Berkhidmat memperoleh profil yang berbeza berbanding dengan sukarelawan dengan menambah ciri-ciri metodologi dan bukti yang berbeza (Stacy et al., 2008; Najah Nadiyah, 2016; Michelle et al., 2004). Pembelajaran berkhidmat menekankan akademik serta dengan matlamat komuniti (Stacy, 2008); memudahkan, bersama pengalaman, pemikiran dan penyelidikan (Geller et al., 2014) dan membangunkan kecekapan emosi (Najah Nadiyah, 2016) dan memberikan sikap yang diperlukan kepada pelajar dan graduan terhadap masyarakat yang pasti memerlukannya.

Menurut Asenjo (2021), menyatakan aktiviti sosial seperti pembelajaran berkhidmat mempunyai impak terhadap perkembangan sikap yang lebih baik terhadap perkhidmatan kepada masyarakat oleh para pendidik. Walau bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa jenis program sosial yang terbaik untuk membangunkan sikap-sikap ini belum dikaji secara mendalam. Dipercayai bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam persekitaran universiti sebagai sebahagian daripada rancangan latihan pelajar akan lebih berkesan (Asenjo, et al., 2021). Pendekatan pembelajaran





berkhidmat juga mempunyai kelebihan dan berbeza daripada pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman yang lain seperti aktiviti sukarelawan atau khidmat komuniti adalah konsep refleksi. Pembelajaran berkhidmat melibatkan pelajar secara aktif melalui aktiviti yang disusun secara terancang (Kaye., 2004: Mazanah et al., 2018). Khidmat komuniti yang dirancang oleh ahli fakulti dan pihak universiti merupakan kolaborasi dan memainkan peranan yang penting. Ini kerana Pembelajaran berkhidmat melibatkan manfaat positif yang diterima untuk pembangunan komuniti yang terlibat. Gabungan di antara pembelajaran akademik (Eyler & Giles, 1999) dan pengalaman di lapangan (Najah Nadiah Amran et al., 2016) menjadikan kursus yang diterapkan memasukkan elemen persediaan sebelum menjalani aktiviti Pembelajaran berkhidmat dan refleksi hasil daripada pengalaman yang dilalui (Lucia et al., 2014).



Universiti merupakan tempat pendedahan pelajar kepada kemahiran insaniah yang lebih berkesan dari aspek komunikasi dan juga budaya kerja berpasukan disemai dalam kalangan rakan pelbagai etnik dan bangsa misalnya menganjurkan acara sambutan perayaan, program mobiliti pelajar dan khidmat masyarakat dengan rakan sebaya, pensyarah dan anggota masyarakat. Hal ini dianggap sebagai langkah untuk menyediakan pelajar universiti untuk menghadapi dunia luar dan mengadaptasi dengan golongan masyarakat yang mereka akan temui. Kajian tentang tanggungjawab sosial, sukarelawan, khidmat masyarakat dalam kalangan pelajar universiti telah lama diberi perhatian sama ada di dalam atau luar Negara (Jumat et al., 2014; Ays, 2016; Badwin et al., 2015). Walaupun pelbagai langkah untuk melibatkan pelajar Universiti bersama komuniti telah diambil, masih lagi kesedaran tentang tanggungjawab sosial kurang dan para pelajar menganggap program-program bersama masyarakat perlu





dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab sahaja. (Azizan Bahari, 2011). Ini menegaskan bahawa walaupun kesukarelawanan mendasari organisasi, agenda pembangunan belia, dan pelbagai program berkaitan kepentingan khidmat masyarakat, kesukarelawanan, tetapi implikasinya, masih belum disedari atau difahami sebaiknya oleh golongan masyarakat. Sebagai konteks global, terdapat banyak penerbitan mengenai berkhidmat dan tanggungjawab sivik dalam pendidikan tinggi, banyak di antaranya adalah dari Amerika Syarikat. Secara umumnya, dipersetujui bahawa kesan pembelajaran berkhidmat adalah sangat mendalam dari segi perkembangan peribadi, sosial, dan intelektual (Morin, dan Waysdorf, 2019). Namun demikian, kekuatan bukti boleh berbeza-beza bergantung kepada hasil yang dinilai dan populasi pelajar tertentu yang dikaji. Satu kritikan yang sering disebut adalah bahawa penyelidik cenderung menggunakan pelbagai terma dan ukuran yang berbeza untuk menilai hasil yang sama, yang menjadikan sukar untuk menentukan sama ada pembelajaran berkhidmat benar-benar memberi kesan (Coelho & Menezes, 2021). Sesetengah literatur berdasarkan penyelidikan kualitatif dan tidak semestinya sejajar dengan piawaian penyelidikan yang ketat seperti yang diperuntukkan oleh sains sosial. Secara keseluruhannya, terdapat banyak peluang untuk penyelidikan ilmiah dan pembangunan badan bukti yang kukuh mengenai kesan pembelajaran berkhidmat dalam pendidikan tinggi.

Walaupun telah lama wujud kesedaran tentang kegiatan khidmat masyarakat ataupun sukarelawan kesedaran tentang tanggungjawab mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti di universiti terhadap program kesukarelawanan kini masih lagi berada pada tahap yang kurang memuaskan (Lim & Yahya, 2006). Lebih malang lagi, segelintir mahasiswa yang mempunyai pandangan tinggi oleh masyarakat, beranggapan program kesukarelawanan membuang masa dan tidak mendatangkan





faedah (Portal Berita Harian,10 Ogos 2017). Menurut Jumat Suzanah et al., (2014), walaupun aktiviti bersama komuniti seperti sukarelawan menjanjikan pengalaman, pembangunan keperibadian dan kebolehpasaran yang baik, namun mahasiswa agak keberatan memainkan peranan memberi sumbangan sewaktu aktiviti dan tindak balas yang baik dalam aktiviti bersifat kemasyarakatan dan kebajikan. Ini membuktikan bahawa program khidmat masyarakat, kesukarelawan mahupun *internship* telah lama dipraktikkan tidak dapat melahirkan kesedaran sosial yang berterusan dan hanya mengharapkan pihak bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah sosial yang berlaku dalam golongan masyarakat mereka.

Kajian-kajian lepas yang dilakukan berkaitan projek komuniti ini menekankan bahawa masih lagi wujudnya perbezaan dan faktor-faktor tertentu yang memainkan peranan menentukan agihan bantuan kepada sesuatu komuniti. Ini membuktikan ketidakadilan sosial masih berleluasa dengan mengabaikan keperluan masyarakat yang memerlukan bantuan. Penemuan kajian lepas menunjukkan bahawa ketidakberdayaan sosioekonomi boleh menyebabkan akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan, yang memburukkan lagi peminggiran dalam komuniti (Sweeney et al., 2015; Horch, 2021). Kajian Perren juga menunjukkan bahawa status sosioekonomi secara signifikan mempengaruhi hasil kesihatan, dengan individu dari latar belakang pendapatan rendah mengalami kadar morbiditi dan mortaliti yang lebih tinggi (Perren, 2013).

Kajian Wilson, B. et al., (2021), menyatakan pengaruh sosioekonomi wujud dalam konteks pemulihan bencana. Misalnya, komuniti yang kurang bernasib baik menghadapi halangan seperti proses permohonan bantuan yang kompleks, sekatan





kelayakan dan ketidakadilan serta prosedur yang menyukarkan mereka untuk mengakses bantuan kerajaan. Kajian beliau menerangkan perbezaan sosial memainkan peranan penting dalam menentukan komuniti dapat pulih daripada bencana, dengan kumpulan berpendapatan rendah mengalami kesan negatif yang tidak seimbang berbanding dengan mereka yang lebih kaya. (Wilson, B. et al., 2021).

Polcarová, dan Pupíková, (2022) tentang komuniti seperti golongan berpendapatan rendah, wanita, orang tua, atau komuniti etnik tertentu, terhadap bencana alam dan faktor-faktor yang mempengaruhi daya ketahanan iaitu kemampuan untuk pulih dan menyesuaikan diri dengan krisis adalah berbeza. Komuniti yang kurang berdaya saing dari segi ekonomi dan sosial menghadapi halangan untuk mengakses bantuan yang mereka perlukan. Hal ini memperburuk keadaan mereka dalam menghadapi bencana dan menjadikan mereka lebih terdedah kepada kerosakan dan kesan bencana berbanding dengan kumpulan yang lebih kaya. Secara umumnya ini menerangkan bahawa pembelajaran berkhidmat yang menekankan keadilan sosial boleh memainkan peranan penting dalam menangani ketidaksamaan ini dengan memberikan peserta kajian peluang untuk terlibat dalam penilaian keperluan komuniti dan membangunkan program yang menyasarkan keperluan khusus populasi yang lebih memerlukan.

Inisiatif pembelajaran berkhidmat dapat menggalakkan pelajar bekerja dengan organisasi komuniti dan berfungsi sebagai alat yang berkuasa untuk menangani perbezaan sosioekonomi dalam perkhidmatan komuniti. Dengan melibatkan pelajar dalam interaksi langsung dengan populasi yang kurang berkhidmat, inisiatif pembelajaran berkhidmat dapat menerangi ketidaksamaan dalam akses kepada sumber dan memupuk usaha kolaboratif untuk mencipta perubahan yang bermakna





(Boyle-Baise & Langford, 2004). Pedagogi pembelajaran berkhidmat orientasi keadilan sosial harus diberi perhatian sebab objektif pembelajaran berkhidmat adalah mengalihkan tumpuan pembelajaran berasaskan perkhidmatan daripada amal kepada perubahan sosial.

Walaupun pembelajaran berkhidmat berbentuk sama seperti perkhidmatan sosial yang lain seperti aktiviti kesukarelawan, khidmat bakti, khidmat komuniti dan latihan praktikal, tetapi pendekatan pembelajaran berkhidmat berbeza dan mempunyai langkah tersendiri dalam proses pembelajaran. Lebih merumitkan lagi apabila penggunaan istilah *Service-Learning* ini digunakan untuk menggambarkan bentuk pendekatan pembelajaran pengalaman dan pembelajaran yang lain (Chong 2014; Greenwood 2015). Di Malaysia, pendekatan pembelajaran berkhidmat masih lagi bersifat khidmat sosial yang terhad kepada elemen kesukarelawan. Ia masih dalam proses awal diterjemahkan secara menyeluruh dalam kurikulum dan program fakulti secara terancang (Najah Nadiah, 2017). Ini menjelaskan bahawa objektif dan pelaksanaan pembelajaran berkhidmat untuk meningkatkan tanggungjawab terhadap masyarakat sebenar masih kurang jelas difahami dalam pelaksanaannya dan memerlukan penyelidikan untuk merungkai perbezaan penggunaan kaedah pembelajaran berkhidmat (*Service Learning*) dengan pendekatan khidmat yang lain.

Pembelajaran berkhidmat sering dikaitkan dengan potensi untuk mempromosikan tanggungjawab sosial dan kemahiran kewarganegaraan dalam kalangan pelajar Universiti. Liu Boping et al., (2017), berpendapat bahawa walaupun pelajar universiti belajar berpasukan, yakin, berdikari, bercita-cita tinggi, dan bermotivasi tinggi tetapi mereka masih kurang bersikap empati. Beliau menegaskan,





minat pelajar universiti terhadap sosialisasi menurun sejak sedekad yang lalu bertentangan dengan semangat kesukarelaan terhadap komuniti (Shek dan Cheung, 2013). Beliau menyatakan, peranan pelajar universiti dalam sosial menunjukkan tanggungjawab dan penyertaan sivik semakin menurun. Shek dan Cheung mengkaji isu-isu seperti tingkah laku dan gaya hidup pelajar universiti, kesihatan mental, tujuan peribadi, keyakinan diri, materialisme, egosentrisme dan tanggungjawab sivik, dan mereka percaya bahawa pelajar universiti, sebagai warganegara global dan tonggak masyarakat masa hadapan, diharapkan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan menunaikan tanggungjawab sosial mereka.

Tanggungjawab sosial dulu yang dianggap kajian tidak penting dalam kalangan penyelidik pengurusan dan perniagaan, penyelidikan dan pendidikan kini memainkan peranan penting dalam berkenaan dengan bidang-bidang tersebut (Setó-Pamiés et al., 2011), menyarankan bahawa universiti perlu mengembangkan kaedah dan kerangka pendidikan baharu yang membantu pelajar memahami konsep Tanggungjawab Sosial dan Kelestarian masyarakat global. Hal ini kerana tanggungjawab sosial harus menjadi alat penting untuk institusi pendidikan tinggi dan juga untuk masyarakat. Hal ini kerana kesedaran sosial yang wujud dalam kalangan graduan adalah kunci untuk mengubah model ekonomi, sosial dan politik Negara.

Maka perbaharuan ini dapat memberi ruang kepada pelaksanaan pembelajaran berkhidmat (SL). Di Malaysia, Tiada panduan pelaksanaan yang lengkap bagi program berkaitan dengan pembelajaran berkhidmat (Hudin, Osman, Shokory dan Wahid, 2018). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), mengetengahkan pembelajaran berasaskan khidmat di bawah inisiatif





‘SULAM’ atau ‘*Service Learning Malaysia – University for Society*’. SULAM ditakrifkan sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti di mana nilai kredit dan jam pelaksanaan khidmat komuniti itu dikira dalam jumlah jam pelajar belajar bagi kursus yang berkaitan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) (Jabatan Pendidikan Tinggi, KPT 2019). Program SULAM ini telah mengukuhkan bahawa pembelajaran berkhidmat telah mula diberi fokus dalam kalangan pendidik sebagai kaedah pendekatan yang bermakna untuk melahirkan pendidikan berprinsip manusiawi di peringkat Institut pengajian tinggi. Pendekatan pembelajaran berkhidmat tidak sebegitu diberi penekanan pada peringkat sekolah mahupun Universiti (Rozita. et al., 2022). Pembelajaran berkhidmat membantu perkembangan diri dan memahami tentang kepentingan memberikan sumbangan kepada komuniti.



Di Malaysia tidak banyak kajian dijalankan berkaitan dengan pembelajaran berkhidmat. Malah tidak ada kajian mengenai Pelaksanaan KSSM Pendidikan Moral menggunakan pendekatan Pembelajaran berkhidmat. Namun begitu, walaupun amalan ini telah dijalankan selama beberapa dekad serta terbukti memberi impak yang positif, para penyelidik dan pengamal masih tidak dapat mencapai persetujuan mengenai cara yang terbaik untuk mendefinisikan dan mencirikan konsep pembelajaran berkhidmat (*Service Learning*) ini (Chong C.S, 2014). Ini menunjukkan konsep sukar untuk diperjelaskan atau difahami sehinggakan terdapat pelbagai tafsiran yang diberikan terhadap konsep ini juga pelbagai pendekatan digunakan untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran berkhidmat (Maznah et al., 2018; Chong 2014).





Experiential Learning dan *Service Learning* adalah dua kaedah pembelajaran yang membawa pelajar merasai, menghayati, dan seterusnya mengalami sendiri hasil pembelajaran yang diperuntukkan. Namun begitu, perbezaan di antara dua amalan pengajaran dan pembelajaran ini adalah Pembelajaran berkhidmat melibatkan pelajar dalam kitaran melakukan khidmat dan adanya refleksi sebagai elemen yang diterapkan (Stall-Meadows et al., 2011; Maznah et al., 2018). Ini membuktikan aktiviti Pembelajaran berkhidmat akan melalui proses persediaan sebelum memberikan khidmat, kitaran khidmat yang dilalui juga refleksi daripada khidmat yang diberikan. Pelajar perlu membuat refleksi hasil daripada pembelajaran dan perbincangan serta perkhidmatan yang dilalui oleh mereka. Refleksi tersebut bersifat akademik dan dihasilkan daripada apa yang dipelajari melalui amalan pedagogi yang sistematik (Eyler dan Giles, 1999; Stall-Meadows et al., 2011).



Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa pendekatan pembelajaran berkhidmat dapat melahirkan bakal guru pendidikan moral yang mempunyai tanggungjawab sosial yang mendalam terhadap komuniti setempat dan dapat mewujudkan kesedaran terhadap tanggungjawab sosial kepada pelajar mereka kelak. Kajian ini juga memberi satu panduan lengkap dan ringkas untuk bakal guru mempraktikkan pembelajaran berkhidmat dan membawa ilmu tersebut ke sekolah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral yang diingini oleh Kementerian Pendidikan dalam subjek Pendidikan Moral untuk melahirkan generasi baharu yang berakhlak mulia serta mampu bersaing dengan perubahan arus globalisasi kini.





1.3 Objektif Kajian

Pelbagai kaedah dan pendekatan dikaji dan digunakan untuk meningkatkan keberkesanan dan pengajaran dan pembelajaran golongan pendidik. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneliti penggunaan pendekatan pembelajaran berkhidmat bagi mengembangkan tanggungjawab sosial dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Moral.

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengkaji kefahaman konsep Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning) dalam Kalangan Guru pelatih Pendidikan Moral.
2. Mengkaji Keberkesanan Pembelajaran Berkhidmat dalam memperkembangkan kebolehan guru pelatih Pendidikan Moral dalam menyelesaikan keperluan masyarakat setempat.
3. Meneliti pengalaman projek pembelajaran Berkhidmat (Service Learning) dalam perkembangan tanggungjawab sosial dalam kalangan guru pelatih.
4. Meneliti pengalaman pengintegrasian CSR (corporate social responsibility) dalam projek pembelajaran Berkhidmat (Service Learning) kalangan guru pelatih.





1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah halatuju membincangkan objektif dalam kajian ini seperti dibawah.

1. Sejauh manakah kefahaman konsep Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning) dalam Kalangan Guru pelatih Pendidikan Moral.
2. Apakah Keberkesanan Pembelajaran Berkhidmat dalam memperkembangkan kebolehan guru pelatih Pendidikan Moral dalam menyelesaikan keperluan masyarakat setempat.
3. Sejauh manakah pengalaman projek pembelajaran Berkhidmat (Service Learning) dalam perkembangan tanggungjawab sosial dalam kalangan guru pelatih.
4. Sejauh manakah pengalaman pengintegrasian CSR (corporate social responsibility) dalam projek pembelajaran Berkhidmat (Service Learning) kalangan guru pelatih.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan menyelidik penggunaan pendekatan pembelajaran berkhidmat dalam pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) pendidikan moral di Universiti untuk mengetahui perkembangan tanggungjawab sosial dalam kalangan pelajar. Maka, kajian ini penting untuk membina model insan yang menyeluruh yang disarankan oleh kementerian pendidikan Malaysia iaitu menunjukkan tindakan moral, emosi moral





dan penaakulan moral dalam menyelesaikan isu masyarakat. Kajian ini dapat menjadi panduan kepada bakal guru pendidikan moral untuk menggunakan pendekatan pembelajaran berkhidmat sebagai kaedah untuk mengajar pendidikan moral terutamanya untuk mencapai objektif yang ditetapkan oleh KPM iaitu melahirkan model insan yang menjamin kesejahteraan global. Ia akan sangat membantu guru-guru pelatih moral untuk melaksanakan aktiviti luar bilik darjah dengan lebih bermakna.

Kajian ini juga menjadi panduan kepada guru-guru pelatih untuk mencapai sarana pendidikan kini yang mempromosikan SULAM (Service Learning Malaysia) yang ditekankan oleh jabatan pengajian tinggi dilaksanakan pada peringkat sekolah. Selain itu kajian ini membantu Modul Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) yang ditekankan kini pada peringkat sekolah untuk guru-guru sebagai salah satu cadangan untuk memantapkan kaedah pengajaran guru pendidikan moral yang mengajar KSSM. Kajian ini juga dapat membantu untuk menghasilkan suatu rubrik atau kit pengguna bagi pembelajaran berkhidmat yang sesuai pada peringkat sekolah. Ia membantu melahirkan generasi pelajar yang lebih bersifat etika dan mempunyai jati diri moral. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas, menunjukkan di Malaysia pembelajaran berkhidmat masih memerlukan perhatian pelbagai pihak. dan dapat memanfaatkan semua lapisan masyarakat.

Pendekatan pembelajaran berkhidmat dapat menggalakkan murid kolaborasi dengan semua orang dan dapat menyelesaikan masalah kehidupan sebenar. Apabila murid melakukan refleksi sendiri, mereka dapat gunakan senarai semak bagi memastikan pelajar berada pada landasan dan mempromosi kolaborasi kalangan



pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016b). Sebagai bakal guru juga dapat menilai keperluan, menentukan matlamat, memantau perkembangan, memberi maklum balas, membuat refleksi ke atas program yang dijalankan.

Kajian ini juga penting kerana dapatan kajian ini membantu Bahagian Pendidikan Guru, Bahagian Buku teks dan universiti-universiti dapat menyediakan bahan-bahan sokongan Pendidikan Moral yang merangkumi kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mantap dan relevan untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti perkhidmatan bersama komuniti. Di samping itu, Kementerian Pelajaran Malaysia membuat penyelarasan dalam pelaksanaan aktiviti khidmat sosial dalam menyediakan kurikulum Pendidikan Moral.

1.6 Skop Kajian

Kajian yang dilakukan adalah untuk mengenal pasti penggunaan pembelajaran berkhidmat dalam kalangan guru pelatih pendidikan Moral sahaja. Kajian ini adalah terhad kepada penggunaan pendekatan pembelajaran berkhidmat dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Moral di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Pemilihan Universiti dibuat berikutan Opsyen Pendidikan Moral pada peringkat Sarjana pendidikan sejak tahun 1990, dan satu satunya Universiti yang mempunyai Jabatan Pendidikan Moral dan sivik di Malaysia sejak tahun 2018.

Oleh itu kajian ini terbatas kepada guru pelatih mata pelajaran Pendidikan Moral sahaja. Pemilihan peserta kajian tidak berdasarkan jantina dan bangsa. Oleh itu



aspek perbezaan budaya tidak diambil kira dalam kajian ini. Tempoh kajian ini dijalankan selama lima bulan. Maka dapatan kajian ini hanya menggambarkan dapatan sebelum, semasa dan selepas kajian tersebut berlaku Ia tidak boleh digeneralisasikan kepada keadaan lain. Kajian ini hanya menggunakan empat alat untuk pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian, jurnal refleksi dan rakaman Audio.

1.7 Kerangka Teori

Pengalaman adalah merujuk kepada kejadian atau perkara yang telah dilalui oleh seseorang individu. Ianya berlangsung sepanjang masa kehidupan manusia. Selaras dengan itu, pengalaman lampau dikatakan mampu mempengaruhi pengalaman akan datang seseorang individu (Morris, 2019). Pembelajaran berasaskan pengalaman adalah pembelajaran dengan pengalaman sebenar apabila menyertai aktiviti dalam kehidupan sebenar (Giler Jr dan Eyler, 1994). Pembelajaran berasaskan kelas tradisional tidak selalu memberi kesan mendalam kepada pelajar kerana sifatnya yang tidak praktikal, pasif dan standard, namun sifat aktif dan praktikal dalam pembelajaran berdasarkan pengalaman cenderung untuk memudahkan pemahaman yang mendalam dalam diri pelajar. Peralihan konsepsi pembelajaran pasif kepada kognitif, sosial, konstruktivis dan aktif, mengukuhkan lagi pengajaran dan pembelajaran yang bermakna (Bringle et al., 2016; Najah Nadiah, 2017). Dengan memanfaatkan konteks akademik ke situasi kehidupan sebenar, pelajar menghadapi pengalaman pembelajaran yang bermakna apabila mereka melakukan sendiri hasil pembelajaran. Maka pengalaman pembelajaran tersebut samada positif ataupun





negatif akan memberi kesan yang mendalam dalam pembelajaran para pelajar (Giler & Eyler, 1994).

Pembelajaran berasaskan pengalaman telah berkembang sejak abad yang lalu dipengaruhi oleh ahli falsafah terkenal seperti John Dewey, Paulo Freire, David Kolb, dan Jean Piaget. Pada awal 1900an, falsafah pembelajaran berdasarkan pengalaman dipercayai berakar umbi dari teori John Dewey sejak (1897) yang menjelaskan mengenai perlunya memindahkan pembelajaran teori dan berorientasikan kaedah bilik darjah tradisional kepada pembelajaran berterusan berasaskan pengalaman. (Dewey, J, 1897;1986; Morris 2019). Bahagian ini meneroka teori pembelajaran berkhidmat yang asalnya diinspirasi daripada teori John Dewey dan David Kolb. Teori pembelajaran berkhidmat Dewey disertakan kerana ia adalah asas bagi mempopularkan institut pendidikan untuk membangunkan rasa tanggungjawab warga negara dalam kalangan pelajar untuk mencapai komitmen pelajar terhadap komuniti melalui perkhidmatan sosial, sebagaimana yang disarankan oleh Dewey. Keterlibatan Kolb adalah penting, kerana beliau meluaskan teori Dewey, termasuk konsep bahawa sikap positif pelajar terhadap penglibatan akademik dan tanggungjawab warga pelajar meningkat apabila mereka menyertai projek pembelajaran berkhidmat yang berkualiti tinggi yang menjadi inspirasi kepada pembentukan konsep pembelajaran berkhidmat ini (Kaye 2004; Brennan 2024).

John Dewey dikenali sebagai bapa pemodenan pembelajaran berasaskan pengalaman. Falsafah Pragmatisme Dewey adalah jelas berlandaskan cita-cita demokratik Amerika pada abad 70an. Sebutan awal beliau mengenai pembelajaran berasaskan pengalaman dalam kajiannya iaitu;



Pembelajaran terbaik dianggap sebagai suatu proses, bukan hanya fokus kepada hasil. Walaupun pencapaian pengetahuan diutamakan, pembelajaran tidak berakhir pada hasil, dan juga tidak selalu membuktikan dalam prestasi. Sebaliknya, pembelajaran berlaku melalui rangkaian pengalaman yang saling berhubungan di mana pengetahuan diubah suai dan dibentuk semula. Untuk meningkatkan pembelajaran di pendidikan tinggi, tumpuan utama harus diberikan kepada melibatkan pelajar dalam suatu proses yang dapat meningkatkan pembelajaran mereka dengan lebih baik- Process yang melibatkan maklumbalas terhadap tindakan mereka- tujuan pembelajaran berfokus pada hasil dan proses harus sama..." (Dewey 1897)

Secara amnya, pragmatism atau pragmatisme berasal daripada bahasa Latin "pragmaticus" dan bahasa Yunani "pragmatikos" yang bermaksud perbuatan atau tindakan (R.w Sleeper, 2001). John Dewey (1859-1952) percaya bahawa pengalaman lampau mempengaruhi pengalaman pada masa akan datang dan fokus pada pengalaman pelajar secara individu di luar bilik darjah.

Dalam buku *The School and Society* (1915) oleh Dewey menyokong bahawa kerja sekolah adalah intelektual (belajar teori) dan sosial (membantu orang lain; bukan sebagai amal, tetapi sebagai memberi kuasa kepada penerima untuk mendapatkan lebih banyak nilai dan keyakinan diri). Minat Dewey adalah agar pelajar membangunkan.

"... keterikatan untuk menengguhkan tindakan dalam menghadapi situasi yang bermasalah dan kecenderungan untuk terlibat dalam penyelidikan untuk mencuba menyelesaikan masalah" (Boydston Joe Ann, 1980).

Menurut Dewey, sebahagian besar pendidikan gagal kerana mengabaikan prinsip asas sekolah yang menekankan bentuk kehidupan komuniti. Ia menganggap sekolah sebagai tempat di mana perlu membentuk tabiat melalui pengalaman dan



bukan hanya sekadar memberikan ilmu pengetahuan. kanak-kanak mesti memperoleh ilmu tersebut sebagai persediaan menghadapi dunia sebenar. Beliau mempercayai jika tidak kanak-kanak tersebut bukan dianggap dididik (John Dewey, 1897).

Tujuan Dewey untuk institut pendidikan adalah agar mereka berfungsi bagi demokrasi radikal (Robertson,1992). Beliau percaya bahawa demokrasi adalah penyelesaian komuniti. Jika sekolah adalah institusi sosial, maka ia sepatutnya berusaha untuk menanamkan dalam kanak-kanak pentingnya komunikasi dalam mencipta dan mengekalkan sebuah komuniti (Robertson, 1992).

Dalam "The School as Social Centre" (1902), Dewey meletakkan perkhidmatan sebagai dorongan untuk pengetahuan dan kajian intelektual dalam " ... semua urusan kehidupan yang lain ... " (Dewey, 1902). Dalam tulisan itu, Dewey menyokong teori pembelajaran berasaskan perkhidmatan kerana ia mengenal pasti kawasan sekolah sebagai kenderaan moden untuk membangunkan komuniti:

"Di mana-mana kita melihat tanda-tanda pengiktirafan yang semakin meningkat bahawa komuniti berhutang kepada setiap ahlinya, peluang penuh untuk pembangunan ... Ini bukan lagi soal kebajikan, tetapi sebagai soal keadilan ... " (Dewey, 1902, dirujuk John Saltmarsh 2007).

Dewey (1938;1986), mengemukakan bahawa sifat pengalaman adalah berterusan dan proses pembelajaran berdasarkan pengalaman sangat penting bagi pendidikan dan perkembangan orang dewasa. Dia percaya bahawa pengalaman, inkuiri dan refleksi adalah elemen utama alam pembelajaran pengalaman (Dewey 1938; Petkus, 2000). Dewey turut menjelaskan dua prinsip asas untuk memahami pengalaman (Keitges 2015). Pertama, prinsip kesinambungan pengalaman (continuity





of experience/experiential continuum). Prinsip ini membawa maksud semua pengalaman lampau diambil untuk mengubah pengalaman masa hadapan. Kedua, prinsip interaksi (transaksi). Prinsip ini menentukan hak yang sama terhadap keadaan dalaman dan luaran individu (Dewey 1938).

Dalam penulisan John Dewey "*My pedagogic Creed*" (1897) beliau mengatakan bahawa:

"Saya percaya bahawa pendidikan moral berpusat pada konsepsi sekolah sebagai kehidupan sosial, merupakan pengajaran moral terbaik, mendalam dan tepat untuk menjalinkan hubungan yang betul dengan orang lain. sejauh mana sistem pendidikan semasa, yang mengabaikan kesatuan ini, boleh menyebabkan sukar atau mustahil untuk mendapatkan sebarang latihan moral yang tulen dan tetap. Saya percaya bahawa kanak-kanak harus dirangsang dan dikawal dalam kerjanya melalui kehidupan komuniti."

Maka teori dan falsafah beliau telah menyerlah kepentingan pembelajaran berasaskan pengalaman yang ditekankan oleh beliau pada dasarnya. Walaupun Dewey tidak mencipta istilah pembelajaran perkhidmatan, tulisannya menyifatkan perkara seperti penyertaan dalam pembelajaran perkhidmatan membentuk pemikiran reflektif dalam mod penyiasatan saintifik; menguatkan penyiasatan intelektual dengan mengambil penyiasatan dengan dunia nyata di mana soalan, perbahasan, dan membuat keputusan digalakkan; mendorong kanak-kanak dan orang dewasa untuk terlibat dalam pengenalan masalah dan penyelesaian yang relevan dalam kawasan atau komuniti; mengukuhkan tanggungjawab warga negara serta mempengaruhi kanak-kanak untuk mengenal pasti sekolah sebagai institusi tempatan





yang terlibat dalam pembangunan komuniti tempatan secara sosial, budaya, politik, dan ekonomi (Roberson 1992; Morris 2019; John Saltmarsh 2007).

Model Pembelajaran berkhidmat diakui sebagai salah satu pedagogi pembelajaran pengalaman yang penting, yang memberikan pengalaman pembelajaran yang berimbak untuk pelajar (Salam et al., 2019). Dalam konteks ini, pakar-pakar dalam pembelajaran berkhidmat (Giles dan Eyster, 1994; Kolb, 2016; Kaye 2004; Petkus, 2000) telah mengakui bahawa, pembelajaran perkhidmatan berakar dari teori Kolb (1984) iaitu teori pembelajaran berdasarkan pengalaman (*Experiential Learning Theory*) yang diasaskan oleh Kolb (1984) yang mempunyai pengaruh daripada falsafah John Dewey. Teori ini menjelaskan bahawa pengalaman menjadi satu bentuk pembelajaran melalui satu kitaran yang melibatkan proses mengalami, merenung, berfikir dan bertindak. David Kolb mentakrifkan pembelajaran sebagai satu proses penciptaan pengetahuan melalui transformasi pengalaman sebagai prinsip asas kepada teori ini. Ilmu pengetahuan terhasil daripada gabungan pemahaman dan transformasi sesuatu pengalaman.


David Kolb membentuk Kitaran Pembelajaran berasaskan Pengalaman yang melibatkan 4 elemen atau tahap iaitu pengalaman konkrit (*Concrete Experience*), iaitu pengalaman yang telah dilalui oleh individu menyediakan asas kepada pemerhatian dan renungan (*Reflective Observation*). Pada peringkat *reflection and observation* individu memerhati setiap pembelajaran melalui perlakuan individu lain dan mengaitkannya dengan pengalaman lalu kemudian difahami dan diterjemahkan di peringkat pembentukan konsep abstrak (*Abstract Conceptualization*). Pada tahap ini individu membentuk sebuah kesimpulan dan pemahaman tersendiri berdasarkan apa



yang telah dilalui dan diperhatikan semasa proses pembelajaran. Segala kesimpulan dan pemahaman akan diuji pada peringkat ini. Akhir sekali, pengujikajian aktif (*Active Experimentation*) dimana individu cuba untuk mengaplikasikan berdasarkan kesimpulan dan pemahaman sebagai panduan.

Rajah 1.4

Putaran Teori pembelajaran berdasarkan Pengalaman Kolb (1984)



Dengan merujuk kepada teori pembelajaran berasaskan pengalaman Kolb (1984), Petkus (2000) berpendapat bahawa pembelajaran berkhidmat (*Service Learning*) merangkumi semua aspek dan kemahiran seperti pengalaman konkrit, pemerhatian, reflektif, konseptualisasi aktif dan eksperimen aktif untuk penglibatan sivik yang lebih baik. Kitaran teori Pembelajaran Kolb adalah berterusan dan melibatkan kedua-dua komponen konkrit dan komponen konseptual, yang



memerlukan pelbagai tingkah laku kognitif dan afektif (Kolb 1976). Menurut Kolb, aktiviti pembelajaran seseorang akan berubah menjadi pemahaman seseorang sepenuhnya. Pendekatan pembelajaran Kolb's, dia juga membuat pendekatan 'pembelajaran berasaskan perbualan', di mana pelajar membina makna dan mengubah pengalaman menjadi pengetahuan melalui perbualan (Cecelia, 2012).

Kolb menggunakan psikologi untuk membina teori pembelajaran pengalaman Dewey. Teori pembelajaran pengalaman Kolb paling mempengaruhi kajian ini apabila penyertaan dalam projek pembelajaran perkhidmatan berkualiti tinggi mengukuhkan sikap positif tentang penglibatan akademik dan tanggungjawab warganegara. Kolb percaya bahawa pembelajaran adalah proses sosial di mana terdapat interaksi antara pengetahuan peribadi dan sosial (Kolb, 1984). Pengalaman membentuk dan mewujudkan potensi perkembangan dalam seseorang (Kolb, 1984).

Kerja Kolb bertujuan untuk menetapkan kontinuum di antara pengalaman, pembelajaran, pengetahuan, dan perkembangan. Kolb mentakrifkan pembelajaran sebagai " ... proses di mana pengetahuan dicipta melalui transformasi pengalaman" (1984, m/s. 38). Penekanan dalam pembelajaran, menurut Kolb, harus berdasarkan proses, bukan bergantung pada kandungan, atau hasil. Penyertaan pembelajaran perkhidmatan di institut pendidikan memerlukan langkah keluar dari kumpulan sosial seseorang untuk berinteraksi dengan dan memberi impak kepada komuniti. Dengan melintasi sempadan yang dikenakan sendiri, yang sudah dikenali, untuk bekerja dengan segmen lain dari populasi komuniti, pemahaman remaja yang mengambil bahagian boleh berkembang dan membolehkan mereka melihat bahawa kita semua berbeza dan perbezaan itu memperkayakan komunikasi dan hubungan antara satu





sama lain (Kolb 1984). Jenis pembelajaran ini memberi kesan kepada sikap pelajar tentang penglibatan akademik.

Projek pembelajaran berkhidmat menggalakkan pengurangan stereotaip yang mengganggu pelbagai faksi komuniti. Pemahaman muncul bahawa kita semua berbeza dan perbezaan itu memperkayakan komunikasi dan hubungan. Pada prosesnya, mengukuhkan institusi-institusi kejuruan yang terlibat dalam projek pembelajaran berkhidmat melalui sikap saling hormat-menghormati dengan masyarakat secara luaran, dan semangat keahlian secara dalaman.

Sumbangan Kolb dalam memperkuat teori pembelajaran berkhidmat adalah dengan menyokong tulisan-tulisan falsafah dan pendidikan Dewey sebelum ini tentang pembelajaran dan pengalaman dengan kerangka psikologi tentang kesatuan antara domain afektif dan kognitif. Teori Kolb menunjukkan bahawa pembelajaran adalah proses sosial. Tulisannya mengaplikasikan teori pembelajaran pengalaman dalam pendidikan, tempat kerja, dan perkembangan dewasa. Teori Dewey dan Kolb adalah asas bagi pendekatan pembelajaran berkhidmat yang dibincangkan di sini dalam Kajian Literatur Berkaitan, penyelidikan penyelidik yang ditemui dalam bab-bab yang masih berbaki, dan implikasi untuk amalan pengajaran dan dasar pendidikan yang ditemui dalam bab 5.

Menurut kajian Eyler dan Giles mengatakan bahawa John Dewey telah membentuk landasan teori pembelajaran berkhidmat dengan menyeimbangkan perkhidmatan kepada komuniti dengan pembelajaran akademik. Pembelajaran berlaku melalui siklus tindakan dan refleksi (Eyler dan Giles, 1999). Pembelajaran berkhidmat





menetapkan kesinambungan antara sekolah dan pelbagai organisasi dan agensi komuniti yang menambah tekstur dan kehidupan kepada kawasan-kawasan. Penyertaan pembelajaran berkhidmat di sekolah menengah memerlukan langkah keluar dari kumpulan sosial seseorang untuk berinteraksi dengan dan memberi impak kepada komuniti. Dengan melintasi sempadan yang dikenakan sendiri, yang sudah dikenali, untuk bekerja dengan segmen lain dari populasi komuniti, pemahaman belia yang mengambil bahagian berkembang, membolehkan mereka melihat bahawa kita semua berbeza dan perbezaan itu memperkayakan komunikasi dan hubungan.

Sumbangan Dewey dan Kolb kepada teori pembelajaran berkhidmat, projek pembelajaran berasaskan pengalaman berkualiti tinggi sepatutnya memperwakili ciri-ciri berikut: meningkatkan semangat ingin tahu dan semangat penyiasatan dari pihak pesertanya, aktiviti reflektif yang melimpah dalam pelbagai bentuk, komunikasi antara peserta dan rakan kongsi komuniti yang berterusan dan mudah dikenal pasti, pemupukan tanggungjawab warga negara dalam kalangan peserta untuk membina masyarakat yang lebih adil secara sosial serta pelajar dan komuniti sepatutnya bersatu dalam domain afektif, kognitif, dan tingkah laku melalui amalan penyelidikan saintifik.

Menurut Andrew Miller dan Alan (2019), penyertaan dalam pembelajaran berkhidmat melalui semua empat peringkat kitaran pembelajaran berdasarkan pengalaman, pelajar dapat mengenal pasti masalah yang berpotensi dalam komuniti tempatan mereka, mencadangkan dan melaksanakan penyelesaian unik, merenungkan kembali pengalaman mereka dan menguji pemahaman dan pengetahuan baru mereka di dunia nyata keadaan. Pembelajaran berkhidmat (Service Learning) adalah proses





pedagogi di mana pelajar mengambil bahagian dalam perkhidmatan masyarakat yang berkaitan dengan kursus untuk meningkatkan pengalaman (Carver, 1997; Giles dan Eyler, 1994; Kolb, 2014; Burger Kaye 2004; Petkus, 2000) belajar mereka. Kajian mengatakan bahawa pelajar yang terlibat dalam pembelajaran berkhidmat menunjukkan mengalami lebih banyak hubungan dengan masyarakat, lebih rela menerima perbezaan kaum, menghargai fungsi perkhidmatan dalam komuniti dan melihat komuniti mempunyai kemampuan menyelesaikan masalah (Ball, 2016; Chan et al., 2017; Huda 2018).


Model Pembelajaran Berkhidmat

Dalam kajian ini model Pembelajaran Berkhidmat oleh Cathryn Berger Kaye. M (2004), telah dikaji untuk melakukan penyelidikan ini. Mengikut beliau pembelajaran berkhidmat diperlukan untuk memberi perkhidmatan kepada komuniti. Komuniti membawa maksud yang berbeza bergantung kepada pihak yang ingin melaksanakan aktiviti tersebut. Komuniti merujuk kepada sekolah, ibu bapa dan agensi luar, jiran, dan masyarakat dunia. Perkhidmatan pula merujuk kepada perancangan, pelaksanaan pembelajaran berkhidmat yang melibatkan topik pembelajaran dan pada masa yang sama dapat memenuhi keperluan komuniti. Kaye, 2004 telah klasifikasi pembelajaran berkhidmat kepada 4 seperti rajah dibawah.



Rajah 1.5

Jenis-jenis Pembelajaran berkhidmat



Sumber: Kaye (2004)

Murid dan guru sebagai fasilitator perlu menentukan jenis pembelajaran yang sesuai dengan kemampuan dan bersesuaian dengan topik pembelajaran. Perkhidmatan secara langsung menggalakkan murid memberikan sumbangan kepada sekolah, komuniti, alam sekitar secara langsung. Melalui perkhidmatan tidak langsung masih dapat memberikan sumbangan kepada orang lain walaupun berada di bilik Darjah. Pelajar juga boleh melakukan penyelidikan melalui cara mengumpulkan maklumat soal selidik dan membuat laporan. Murid boleh melakukan satu atau lebih daripada satu jenis pembelajaran bagi mendapatkan hasil yang diharapkan.

Rajah 1.6

Peringkat pembelajaran berkhidmat (kaye,2004)



Kajian ini menggunakan Lima peringkat pembelajaran berkhidmat oleh Catherine Berger Kaye (2004). Lima peringkat tersebut ialah penyiasatan, perancangan dan persiapan, pelaksanaan, refleksi dan demonstrasi. Antara perkara penting yang perlu diberi perhatian sebelum memulakan pembelajaran berkhidmat adalah pemilihan tajuk, menentukan matlamat, mengenal pasti sumber-sumber lain yang diperlukan untuk menjalankan kajian. Kita mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan mengumpulkan maklumat yang diperlukan.

Pada peringkat penyiasatan guru memberi peluang kepada murid untuk mencari maklumat berkaitan dengan analisis. Murid menggunakan pelbagai pendekatan untuk mengumpulkan maklumat seperti temu bual, soal selidik dan pemerhatian. Pembelajaran berkhidmat memerlukan persediaan dan perancangan



yang baik serta sempurna yang dapat membantu mencapai matlamat yang disasarkan. Perancangan sesuatu aktiviti khidmat masyarakat banyak bergantung kepada kerjasama dan kesepakatan antara setiap ahli yang terlibat. Murid meneroka topik yang diberikan secara mendalam melalui maklumat dari internet dan buku.

Guru memastikan bahawa projek yang dilaksanakan adalah berdasarkan perancangan serta kemampuan yang telah dirancang pada peringkat awal, merekodkan setiap kerja berkhidmat untuk dijadikan bahan dokumentasi ataupun bukti. Pada peringkat pelaksanaan, murid melaksanakan perkara yang mereka rancang sebelum ini yang dapat memberikan sumbangan kepada sekolah dan komuniti. Kerja lapangan ini akan memberikan pengalaman sebenar tentang aplikasi pengetahuan dan kemahiran mereka. Peringkat ini membantu murid mengembangkan pengetahuan yang sedia ada. Murid mendapat peluang untuk interaksi dengan orang luar dan menambah pengetahuan melalui temu bual dan pemerhatian.

Langkah yang sangat penting selepas pelaksanaan ialah membuat refleksi (Kaye, 2004; Giler dan Eyler, 1994; Petkus, 2000) Ia adalah penting sebagai kayu ukur untuk melaksanakan sesuatu projek pembelajaran berkhidmat pada masa akan datang. Refleksi merupakan proses yang mengimbas kembali kesan perlakuan yang telah dilakukan semasa aktiviti, betul atau salah, apa yang dipelajari, apa yang dicapai, mengaitkan untuk kepentingan masa depan kita. Guru memainkan peranan untuk memberi bimbingan kepada murid semasa membuat refleksi yang membolehkan murid mengaitkan pengalaman dalam kehidupan sebenar (Selmo, 2015). Murid boleh menulis jurnal refleksi peribadi. Refleksi dilakukan sebelum, semasa dan selepas pembelajaran berkhidmat.





Peringkat terakhir iaitu Demonstrasi menggalakkan murid mempamerkan pencapaian mereka melalui pembentangan tentang perkara yang mereka belajar dan pengalaman yang mereka peroleh. Murid membentangkan pencapaian mereka pada setiap peringkat pembelajaran berkhidmat. Melalui pembentangan hasil kerja, murid dapat mengajar orang lain tentang topik tersebut. Pembelajaran berkhidmat ini dapat mengembangkan 7 kompetensi murid iaitu pengetahuan tentang pembelajaran berkhidmat, kemahiran penyelidikan, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran organisasi, kemahiran komunikasi, kemahiran pengurusan hubungan dan kemahiran membuat refleksi.

Program *Touch Service Learning* yang menggunakan pendekatan pembelajaran Kaye menyatakan bahawa pada peringkat sekolah menengah murid dapat menggunakan empat hingga tujuh kompetensi. Perkara yang membezakan antara pembelajaran perkhidmatan dengan jenis pembelajaran berkhidmat lain ialah amalan dan refleksi (Furco, 1996). Refleksi telah membawa kesan positif kepada perkembangan empati, toleransi dalam diri murid (Stanlick dan Hammond, 2016). Aktiviti pembelajaran menjadi bermakna dengan adanya aspek refleksi. Selain itu jenis pendekatan khidmat masyarakat atau sukarelawan memberikan pededahkan terus untuk membantu komuniti dan manakala pembelajaran berkhidmat bukan sahaja membantu komuniti tetapi ada proses pembelajaran serta merangkumi kurikulum yang diajar dalam bilik darjah.






Tanggungjawab Sosial

Tanggungjawab sosial merujuk kepada kewajipan individu atau organisasi untuk bertindak demi kepentingan masyarakat dan lingkungan sekitarnya. Tanggungjawab sosial juga berperanan dalam pendidikan dan pengembangan individu serta berfungsi sebagai alat untuk memperoleh pengetahuan, yang bergantung pada integrasi hubungan antara guru dan pelajar (Shala,2024). Kerangka standard prestasi tanggungjawab sosial di British columbia (BCPS) oleh Kementerian Pendidikan sebagai kerangka teori kajian ini. Kerangka Standard Prestasi untuk Tanggungjawab Sosial di British Columbia (BC) adalah inisiatif pendidikan yang komprehensif yang bertujuan untuk memupuk tanggungjawab sosial dalam kalangan pelajar (Brondani, 2012). Kerangka ini tertanam dalam objektif kurikulum yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan British Columbia, yang menekankan kepentingan tanggungjawab sosial dalam konteks pendidikan. Kerangka ini direka untuk menilai dan meningkatkan kebolehan pelajar untuk berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya dan komuniti mereka, dengan itu mempromosikan budaya inklusiviti dan sokongan dalam sekolah.

Dalam kajian ini Seperti dinyatakan dalam Rajah 1.6, tidak memberikan definisi khusus mengenai tanggungjawab sosial, tetapi mencadangkan kompetensi (kategori) untuk menyedarkan individu terhadap tanggungjawab mereka dalam masyarakat. Walaupun kajian ini tidak menilai sama ada pelajar memiliki definisi peribadi mengenai tanggungjawab sosial, ia menggunakan analisis kualitatif terhadap refleksi bertulis serta pandangan temubual mereka.



Rajah 1.7*Kerangka Tanggungjawab Sosial*

Sumber: British Columbia Performance Standard of Social Responsibility (2001)

Tanggungjawab sosial yang dapat dikategorikan dalam kerangka ini adalah dibahagi kepada tiga iaitu nilai kepelbagaian dalam komuniti iaitu sejauh mana pelajar mempertimbangkan isu sensitif secara adil dan hormat, menunjukkan rasa



etika sambil mengiktiraf kepelbagaian; sumbangan kepada bilik darjah dan komuniti sekolah iaitu sejauh mana pelajar berkongsi tanggungjawab terhadap persekitaran sosial dan fizikal mereka, serta pengalaman mereka dalam menyertai dan menyumbang kepada aktiviti kelas dan pembelajaran kumpulan kecil; melaksanakan hak dan tanggungjawab demokrasi, contohnya, sejauh mana refleksi pelajar menunjukkan penglibatan mereka terhadap masa depan yang diinginkan untuk diri mereka sendiri dan masyarakat (BSPS, 2001). Dapatan kajian dianalisis mengikut kaedah tematik menggunakan kerangka ini untuk menilai kewujudan tanggungjawab sosial dalam kalangan peserta guru pelatih sebagai pelajar universiti.

Tanggungjawab Sosial Korporat /*Corporate Social Responsibility (CSR)*



CSR atau Tanggungjawab Sosial Korporat adalah satu konsep yang luas, dan mempunyai banyak definisi dan pendapat mengenai perkara tersebut. CSR yang didefinisikan dibawah kajian Carroll yang telah buat kajian tentang tanggungjawab sosial korporat sejak 1979 mewujudkan “the pyramid of CSR” dimana pengabungan empat elemen iaitu matlamat ekonomi, undang-undang, etika dan filantropi dalam CSR (Carroll, 1991; Wan Saiful, 2006). Kajian mengenai CSR telah menjadi intipati dan objektif banyak penyelidikan dalam dekad terkini, dan ia telah mendapat populariti yang besar melalui media, tetapi masih terdapat panggilan untuk menyiasatinya di pasaran yang masih baharu kepada konsep dan implikasi CSR. CSR adalah bentuk komitmen syarikat kepada masyarakat. Komitmen tersebut dilakukan untuk meningkatkan ekonomi dan kualiti hidup semua pihak berkepentingan, termasuk pekerja dan komuniti. (Rahman 2019; Sarmila et al., 2015; Idemudia 2008).





Di Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mengeluarkan satu Pekeliling amalan perniagaan terbaik 5/2013 untuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) sebagai panduan untuk aplikasi dan pelaporan pada tahun 2013. Pada tahun 2016, pekeling amalan perniagaan terbaik 6/2017 diperkenalkan di bawah akta syarikat 2016.


Sejak akhir tahun 1990-an, universiti telah mula memperkenalkan CSR dan dalam kurikulum mereka (Schroeder 2007; Wright & Bennett 2011; Brammer et al., 2012), kaedah CSR, menggabungkan aktiviti harian, dan menyediakan sokongan praktikal pelajar, telah memperkaya pelajar dari kedua segi praktikal dan teori (Smith et al., 2018; Schimperna et al., 2022). Universiti telah mengembangkan pelbagai kaedah dan teknik untuk mengajar CSR dan pembangunan lestari, antaranya termasuk kaedah kes, pembelajaran berkhidmat (SL), pembelajaran berasaskan masalah (PBL), dan pembelajaran berasaskan pengalaman.

Kajian ini mengintegrasikan konsep CSR dalam pelaksanaan pembelajaran berkhidmat untuk melihat keberkesanan perjalanan pembelajaran berkhidmat dalam memenuhi keperluan komuniti dengan lebih berkesan.



Rajah 1.8

Kerangka Konseptual Kajian



1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Pendidikan Moral

Komponen yang dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral adalah Pendidikan Moral merupakan satu program yang mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan



penaakulan moral, emosi moral dan tingkah laku moral (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016). Objektif utama, opsyen mata pelajaran Pendidikan Moral di universiti pada peringkat sarjana Muda Pendidikan adalah untuk mengajar Kurikulum Pendidikan Moral di sekolah yang bermatlamat membentuk insan bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan Negara serta masyarakat global. Mata pelajaran Pendidikan Moral bermaksud suatu subjek teras yang wajib diambil oleh semua pelajar bukan Islam dari tingkatan satu hingga tingkatan lima (Abd Shatar, 2007).

1.8.2 Guru Pelatih

Guru pelatih diistilahkan di dalam kamus dewan sebagai pelajar-pelajar maktab perguruan ataupun universiti yang bakal menjadi guru. Guru-guru pelatih dalam kajian ini bermaksud bakal guru yang akan ditempatkan di sekolah-sekolah untuk mengajar subjek Pendidikan Moral di Sekolah Menengah. Guru pelatih yang difokuskan dalam kajian ini ialah pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Pendidikan Moral semester 6 dan 7.

1.8.3 Tanggungjawab Sosial

Tanggungjawab sosial adalah etika di mana individu bertanggungjawab untuk memenuhi kewajiban sivik dan kewarganegaraan, dan tindakan seseorang individu yang memberikan manfaat kepada seluruh masyarakat. Dalam tanggungjawab sosial,





mesti ada keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan masyarakat dan alam sekitar menurut Kiezel et al., (2021). Sekiranya keseimbangan ini dipertahankan, maka tanggungjawab sosial akan terlaksana dalam sesebuah komuniti. Selain itu, tanggungjawab sosial dapat didefinisikan sebagai kepatuhan terhadap peraturan sosial, pertimbangan kepentingan sosial secara sukarela, penghormatan terhadap etika, kepatuhan terhadap peraturan dan undang-undang, sumbangan untuk masyarakat dan perlindungan kepada persekitaran. (Kinga Gadja, 2020), menyatakan tanggungjawab sosial juga dikenali sebagai aktiviti pro-sosial, yang menerapkan nilai sepunya dalam diri seseorang dengan mengambil kira kepentingan semua pihak, tanpa mengabaikan kepentingan diri.



1.8.4 Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning)



Service Learning (SL) atau ‘pembelajaran berkhidmat’ ditakrifkan sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan pengalaman dalam berkhidmat kepada masyarakat. Pembelajaran berkhidmat adalah pendekatan yang menggabungkan objektif pembelajaran akademik, kemahiran interpersonal dan khidmat dan bakti pelajar dalam memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat (Maharam et al., 2019). Melalui projek SL, pelajar belajar bagaimana menabur bakti kepada masyarakat. Service-learning iaitu pembelajaran berkhidmat adalah pengalaman pembelajaran berstruktur yang menggabungkan kerja akademik dengan khidmat masyarakat, mengintegrasikan pembelajaran dua hala dan aktiviti reflektif untuk memenuhi keperluan masyarakat yang mapan (Hou, 2017). Menurut Huda, (2018), menyatakan program Pembelajaran Perkhidmatan merujuk kepada





memberi peluang kepada siswa untuk sama-sama terlibat dalam komuniti setempat mereka untuk mengembangkan keterlibatan sivik dan perkembangan kepemimpinan mereka dalam mewujudkan hubungan sosial yang positif terhadap masyarakat global.

Tanggungjawab Sosial Korporat/ *Corporate Social Responsibility* (CSR)

Tanggungjawab Sosial Korporat atau lebih dikenali dengan akronim CSR *Corporate Social Responsibility* telah dikenali global sebagai salah satu sumber bagi syarikat korporat menyumbang bersama dalam proses pembangunan (Frynas, 2009; Sarmila et al., 2015). Definisi konsep ini telah berevolusi dan berkembang pada tahun 1960-an dan 1970-an. Justeru itu, konsep ini telah melalui beberapa siri perubahan dan pembangunan dalam pendekatannya, sehingga terbentuknya konsep yang kini dirujuk sebagai konsep Tanggungjawab Sosial Korporat atau CSR (Sarmila, 2013). Walaupun konsep CSR merupakan strategi yang menghubungkan institusi perniagaan dengan masyarakat, namun konsep ini masih belum mempunyai satu definisi yang digunapakai secara umum (Idemudia, 2008; Dahlsrud, 2008). Antara definisi yang digunapakai untuk merujuk kepada konsep CSR ini adalah:

Komitmen institusi perniagaan dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi mampan, berusaha bersama-sama para pekerja, keluarga mereka, komuniti tempatan serta masyarakat secara umum bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka.” [World Business Council for Social Development (WBCSD), 2000] dirujuk (Sarmila et al., 2015).

CSR berkaitan dengan bagaimana syarikat mengendalikan isu-isu sosial dan alam sekitar yang berkaitan dengan kesejahteraan komuniti dan pekerja. Juga dikenali





sebagai etika korporat, kewarganegaraan korporat, prestasi sosial, atau perniagaan bertanggungjawab lestari, CSR adalah proses berterusan yang bertujuan untuk mengemukakan pertanggungjawaban syarikat terhadap tindakan mereka dan mendorong impak positif melalui aktiviti mereka ke atas pelbagai pihak berkepentingan, termasuk alam sekitar, pengguna, pekerja, komuniti, pemegang saham, dan masyarakat secara umum (Aversano et al., 2020).

Kerangka CSR Bursa Malaysia (Bursa Malaysia, 2006), mentakrifkan tanggungjawab sosial korporat sebagai menjalankan perniagaan secara terbuka dan telus berdasarkan nilai-nilai etika dan penghormatan terhadap komuniti, pekerja, alam sekitar, pemegang saham, dan pihak berkepentingan lain. Kerangka ini bertujuan untuk menghasilkan nilai yang mampan bagi masyarakat secara keseluruhan. CSR selari dengan pelaporan tiga titik penentu yang menekankan aspek ekonomi, sosial, dan alam sekitar ke atas kecergasan keseluruhan (Bursa Malaysia 2006).

Dalam kajian ini CSR digunakan dalam proses pelaksanaan Pembelajaran Berkhidmat dalam kalangan guru pelatih untuk menjayakan projek pembelajaran berkhidmat untuk komuniti setempat. Ia memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak dimana membantu guru pelatih dari segi penyediaan sumber dan kewangan program mereka, pada masa yang sama membantu pihak organisasi perniagaan yang dipilih dapat peluang untuk melaksanakan CSR mereka untuk komuniti setempat.





1.9 Kesimpulan

Secara ringkas, bab satu membincangkan latar belakang kajian dari aspek kepentingan Penggunaan pendekatan pembelajaran berkhidmat dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Moral dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Moral di Universiti. Objektif kajian pengkaji menganalisis keberkesanan pendekatan pembelajaran berkhidmat dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Moral. Beberapa istilah kajian diterangkan untuk mengelak kekeliruan. Kajian ini juga mempunyai beberapa batasan dan paling utama sekali hasil kajian akan digunakan secara khusus kepada mata pelajaran Pendidikan Moral sahaja dan ia tidak boleh diguna oleh mana-mana program atau subjek lain.

